

Tawaran PTPTN beri kelegaan kepada peminjam

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA LUMPUR

Pemberian diskaun bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga 15 peratus mampu mengurangkan beban peminjam untuk menyelesaikan hutang pembiayaan pengajian.

Diskaun yang ditawarkan menerusi Bajet 2022 mulai 1 November tahun lalu hingga 30 April 2022 membolehkan peminjam berasa tenang kerana tidak perlu lagi memikirkan hutang pinjaman.

Nur Arifah Ismail, 31, menikmati 15 peratus diskaun bayaran balik pinjaman selepas membuat bayaran penuh pinjaman PTPTN berjumlah RM11,145 pada 10 Januari lalu menggunakan aplikasi JomPay.

"Ketika belajar, saya mendapat pinjaman RM3,250 pada setiap semester dari 2011 hingga 2014 dengan jumlah

pinjaman sebanyak RM19,500. Saya mula buat bayaran balik pinjaman pada 2017 tetapi tidak teratur," katanya.

Nur Arifah menyarankan peminjam lain agar segera membuat bayaran.

Sementara itu, Nursaleha Basri, 26, yang menikmati diskaun 10 peratus daripada bayaran balik secara debit memberitahu, tawaran PTPTN itu mengurangkan beban yang ditanggung.

"Insentif ini satu inisiatif yang sangat baik. Ia membantu peminjam terutamanya bagi yang belum pernah lagi membuat bayaran selain menggalakkan kita memilih kaedah bayaran secara konsisten," katanya.

#### Tawaran diskaun

Mulai 1 November 2021 hingga 30 April 2022, PTPTN menawarkan pembayaran balik menerusi pakej diskaun kepada semua peminjam termasuk yang telah dikenakan tindakan pe-



NUR ARIFAH ISMAIL

NURSALEHA BASRI

nguatkuasaan.

Layari (<https://www.ptptn.gov.my/PengesahanBakiPenyelaianHutang/Utama>) atau hubungi eksekutif pemasaran (<https://www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn>) untuk mendapatkan pengesahan baki keseluruhan pinjaman. Semakan penyata pinjaman boleh dibuat melalui portal rasmi PTPTN (<https://www.ptptn.gov.my/se-makanpinjaman>).

#### Diskaun bayaran balik 15 peratus:

Ditawarkan kepada peminjam yang ingin membuat

penyelesaian keseluruhan baki pinjaman sama ada melalui saluran seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bank atau dalam talian.

Peminjam yang hanya mempunyai hutang Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) dan peminjam yang baru tamat pinjaman tetapi masih belum mempunyai Jadual Bayaran Balik (JBB) juga layak menerima diskaun ini.

Diskaun diberikan sekiranya bayaran diterima dalam bulan yang sama dan selewat-lewatnya 27 hari bulan (hb) pada setiap bulan. Bagaimanapun, diskaun tidak diberikan sekiranya bayaran balik dibuat oleh pihak IPT/penaja.

Peminjam yang mempunyai lebih daripada satu pinjaman seperti pinjaman diploma, ijazah sarjana muda dan sarjana hanya ingin membuat penyelesaian hutang salah satu daripada peringkat pengajian tidak layak mendapat diskaun bayaran balik ini.

Surat Penyelesaian Hutang (SPH) akan dikeluarkan selepas 14 hari (bekerja) pelarasan diskaun 15 peratus dilakukan. Cetakan SPH juga boleh dibuat secara dalam talian di portal rasmi PTPTN (<https://www.ptptn.gov.my/PengesahanBakiPenyelaianHutang/Utama>).

Rekod CCRIS akan dikemas kini dalam tempoh tujuh hari bekerja dari tarikh bayaran dikemas kini dalam penyata PTPTN.

#### Diskaun bayaran balik 12 peratus:

Diskaun ini diberikan kepada semua peminjam yang membuat bayaran balik sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan baki hutang pinjaman dalam sekali bayaran.

Pengiraan diskaun 12 peratus berasaskan kepada jumlah bayaran balik (sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang) yang diterima bagi bulan berkenaan.

Kelayakan diskaun turut diberi sekiranya membuat bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan baki hutang WPP termasuk yang dibuat melalui KWSP, bank dan dalam talian.

Peminjam yang telah tamat pengajian diploma dan sedang melanjutkan pengajian peringkat ijazah tidak layak mendapat insentif ini, tetapi pertimbangan

boleh diberikan jika pinjaman peringkat ijazah yang masih aktif ditamatkan. Permohonan pinjaman baharu bagi peringkat yang sama adalah tidak dibenarkan.

#### Diskaun bayaran balik 10 peratus:

Diskaun ini diberi untuk semua peminjam yang membuat bayaran balik melalui saluran potongan gaji dan/atau debit terus mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan.

Sekiranya peminjam mempunyai tunggakan, rundingan perlu dilakukan terlebih dahulu dengan menghubungi eksekutif pemasaran.

Permohonan potongan gaji atau debit terus boleh dibuat secara dalam talian di portal rasmi PTPTN (<https://www.ptptn.gov.my/potonggajianonline>) atau ([https://www.ptptn.gov.my/direct\\_debit/direct\\_debit.html](https://www.ptptn.gov.my/direct_debit/direct_debit.html)).

Diskaun hanya akan diberikan setelah bayaran balik melalui potongan gaji dan debit terus diterima oleh PTPTN.

Penerimaan bayaran balik melalui potongan gaji adalah tertakluk kepada proses potongan yang dilakukan oleh majikan, manakala debit terus adalah setiap 1hb, 10hb dan 27hb setiap bulan.

Peminjam yang telah/sedang membuat bayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus juga layak mendapat insentif ini.

Bagi peminjam yang telah membuat bayaran balik melalui potongan gaji akan menikmati diskaun 15 peratus ke atas baki keseluruhan hutang pinjaman sekiranya bayaran tersebut menyelesaikan keseluruhan hutang peminjam.

Untuk pertanyaan, hubungi PTPTN melalui salah satu kaedah berikut:

- Careline di talian 03-2193 3000
- Live chat di portal rasmi PTPTN (<https://www.ptptn.gov.my>)
- Eksekutif pemasaran (<https://www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn>)
- e-Aduan PTPTN (<https://eaduan.ptptn.gov.my>)
- Media sosial PTPTN

**TABUNG Pendidikan**

## INSENTIF BAYARAN BALIK PTPTN

- ▶ **Diskaun 15%** atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
- ▶ **Diskaun 12%** untuk bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan
- ▶ **Diskaun 10%** untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus mengikut jadual.

Tempoh Diskaun :  
1 November 2021 hingga 30 April 2022

[www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

BAJET 2022